

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, May 16, 2018 9:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA BULAN RAMADAN AL-MUBARAK 1439H



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

16 MEI 2018 / 30 SYAABAN 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



UUM ONLINE:

PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPERA BULAN RAMADAN AL-MUBARAK 1439H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Yang Maha Esa kerana dengan limpah keizinan-Nya, usia kita dipanjangkan yang membolehkan kita menikmati kemanisan beribadah pada bulan Ramadan 1439H.

Kesempatan bertemu bulan ini bermakna kita berpeluang menyempurnakan salah satu rukun Islam yang lima, iaitu berpuasa pada bulan Ramadan. Ini bertepatan dengan sabda Baginda Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam yang bermaksud:

Daripada Ibn Umar radiallahuanhu katanya, Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam bersabda, *"Agama Islam itu dibina di atas lima perkara, iaitu bersaksi bahawa tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Allah Subhanahuwataala dan Nabi Muhammad Sallallahu alaihi wasallam itu adalah rasul dan pesuruh Allah, mendirikan sembahyang fardu, mengeluarkan zakat, menunaikan haji ke Makkah al-Mukarramah dan berpuasa pada bulan ramadan"*. (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ibadat puasa juga meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahuwataala apabila kita sanggup meninggalkan perkara-perkara yang dilarang, walaupun perkara yang sama dihalalkan pada masa yang lain. Sudah tentu tuntutan ini boleh mendisiplinkan diri kita supaya meninggalkan perkara yang keji dan terlarang sepanjang hidup kita khususnya yang berkaitan dengan dunia pekerjaan seperti rasuah, adu domba, ponteng kerja dan sebagainya.

Ramadan ibarat satu institusi yang menyediakan pelbagai kemudahan pahala untuk mendidik rohani dan jasmani umat Islam demi melahirkan insan bertakwa pada saat pengijazahannya. Bertemu Lailatulqadar merupakan anugerah tertinggi yang ditawarkan dalamnya.

Oleh itu, sempena Ramadan ini, saya menyeru semua umat Islam warga UUM agar memperbanyakkan amalan-amalan mulia seperti bersedekah, menyantuni fakir miskin, menyediakan juadah berbuka, bertadarus al-Quran dan sebagainya agar kita semua menjadi graduan Ramadan yang cemerlang di dunia dan juga di akhirat.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selamat menyambut Ramadan al-Mubarak.

Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak
Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)

ANJUNG
Tamu UUM



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.